

25/04/2003

Pendirian Pas tiada keseragaman

DALAM pada Pemangku Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, kagum dengan ketegasan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempertahankan dasar luar Malaysia, termasuk keberanian Perdana Menteri menyuarakan penentangan terhadap Amerika Syarikat, lidah rasmi parti itu pula memiliki pandangan berlawanan. Harakah sebaliknya menuduh kerajaan bersekongkol dengan Amerika kononnya dengan menyetujui rancangan Washington dan sekutunya menyerang Iraq. Bagaimana mungkin Hadi dan Harakah berbeza pandangan melainkan salah satu pihak sengaja mengada-adakan alasan untuk menegakkan benang basah. Tuduhan kononnya kerajaan berpura-pura mengutuk tindakan Amerika menyerang Iraq tetapi dalam masa yang sama menyokong secara diam-diam dasar Rumah Putih, tidak berasas sama sekali.

Sebagai perbandingan, kerajaan Barisan Nasional (BN) sentiasa konsisten dalam membantah tindakan ketenteraan Amerika terhadap Iraq - pendirian yang turut disokong lebih 2.5 juta rakyat yang menandatangani bantahan selain lebih 250,000 rakyat yang berhimpun di Stadium Nasional, Bukit Jalil untuk tujuan serupa. Seperti yang berlaku sebelumnya apabila seorang bekas pemimpin pembangkang mempertikaikan bantahan Malaysia itu tanpa berlandaskan fakta atau kajian, Harakah tidak berbeza. Laporan akhbar itu kononnya `kempen menentang perang hanya untuk memenangi pilihan raya' jelas teramat dangkal.